

Tahap patuh SOP kedai gunting lebih 90 peratus

KPDNHEP adakan pemeriksaan berterusan menerusi Ops Catut 7.0

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Tahap patuhan prosedur operasi standard (SOP) di kedai dandan dan gunting rambut seluruh negara melebihi 90 peratus selepas perniagaan itu dibenarkan beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sentiasa melakukan pemeriksaan ke premis dandan dan gunting rambut dari semasa ke semasa melalui Ops Catut 7.0 yang dilaksanakan.

"Walaupun tiada aduan, diterima, penguat kuasa kita sentiasa mengadakan pemantauan dan pemeriksaan untuk melihat pematuhan SOP serta harga perkhidmatan yang ditawarkan.

"Setakat ini, lebih 90 peratus kedai dandan dan gunting rambut mematuhi SOP yang ditetapkan, bahkan pelanggan juga dilihat sudah membiasakan diri dengan keadaan normal baharu," katanya selepas melawat Syarikat Prifaria Distribution



Nanta (tiga dari kiri) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (kanan) dan Pengarah Urusan Syarikat Prifaria Sdn Bhd (PSB), Datuk Wan Ahmad Azmi Wan Daud (dua dari kanan) ketika melawat Syarikat Prifaria-Distribution Haulage Cawangan Prai dekat Jalan Permatang Nibong, Bukit Mertajam, semalam.

Haulage Cawangan Prai dekat Jalan Permatang Nibong, di sini, semalam.

Sebelum itu, beliau turut melawat Syarikat Heap Lee Chan Sdn Bhd iaitu pemborong barangan runcit seperti bawang, cili kering dan ubi kentang.

Sehingga kini, 551 premis dandan dan gunting rambut di seluruh negara diperiksa pe-

nguat kuasa KPDNHEP.

"Melalui pemeriksaan itu, 788 notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta 17 notis amaran dikeluarkan kepada pengusaha dandan dan kedai gunting rambut," katanya.

Beliau berkata, setakat ini tiada premis dandan dan gunting rambut diarahkan tutup ke-

rana tidak mematuhi SOP.

Sementara itu, Nanta berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak ayam di pejabatnya, hari ini.

"Dalam pertemuan itu, antara inti pati yang akan dibincangkan adalah berkaitan bekalan dan harga ayam yang mula naik di pasaran," katanya.